



TARIKH : 21 MEI 2024

**KENYATAAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

1. Kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred, Kategori dan pengkhususan yang berkaitan yang masih sah laku yang telah **Berdaftar dengan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan**. Hanya kontraktor bumiputera yang **beralamat di dalam Negeri Kedah** sahaja dibenarkan dalam membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	NO. DAFTAR TAWARAN	TAJUK KERJA	LAWATAN TAPAK
1.	MPLBP/SBT/32/2024	MENAIKTARAF TANDAS AWAM TELUK YU DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN SEKITAR, MK AYER HANGAT, MP LANGKAWI. GRED : G2 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21	LOKASI : KAWASAN TANDAS AWAM, TAMAN AWAM PANTAI TELUK YU, MK. AYER HANGAT, LANGKAWI TARIKH : 26 MEI 2024 (AHAD) MASA : 11.00 PAGI TARIKH TUTUP : 02 JUN 2024 (AHAD) HARGA BORANG : RM 50.00
2.	MPLBP/SBT/33/2024	MENAIKTARAF KAWASAN PASAR AWAM KUAH, MK KUAH, MP LANGKAWI. GRED : G2 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21	
3.	MPLBP/SBT/34/2024	MENAIKTARAF KAWASAN PASAR AWAM PADANG MATSIRAT, MK PADANG MATSIRAT, MP LANGKAWI. GRED : G2 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21	
4.	MPLBP/SBT/35/2024	MENAIKTARAF KAWASAN PASAR AWAM AYER HANGAT, MK AYER HANGAT, MP LANGKAWI. GRED : G2 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21	

2. Borang sebut harga boleh didapati di **Kaunter Hasil, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan** pada ketetapan masa seperti berikut :-

Tarikh Mula Di Jual : 26 Mei 2024 – 02 Jun 2024
Ahad – Rabu : 08.00 Pagi – 04.00 Petang
Khamis : 08.00 Pagi – 02.30 Petang

3. Kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN, SIJIL TARAF BUMIPUTERA, PENDAFTARAN SSM & PENDAFTARAN SURUHANJAYA TENAGA (BAGI KONTRAKTOR ELEKTRIK)** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan seterusnya menyertai satu lawatan tapak bina. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri **30 MINIT SEBELUM MASA SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIMULAKAN**. Hanya pemegang lesen yang sah dan berdaftar dengan MPLBP sahaja berhak hadir dalam lawatan tapak. **WAKIL TIDAK DIBENARKAN**.
4. Semua Borang Sebut Harga mestilah dikemukakan di dalam surat bermetri dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Nombor Sebut Harga hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
5. Sebut Harga ini akan ditutup pada **02 JUN 2024 (AHAD) Jam 12.00 TENGAHARI**. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya pelancongan tidak terikat untuk menerima yang terendah atau sebarang tawaran. Borang Sebut harga yang lewat dihantar berkait apa jua alasan adalah tidak dilayan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD FARID BIN MD. ALI

Jurutera

b.p : Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan